

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2025**

MPP 3

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU



Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



- 1 Berikut merupakan komponen Penyata Kewangan bagi perniagaan milikan tunggal **kecuali**
- A Akaun Perdagangan
 - B Akaun Untung Rugi
 - C Penyata Kedudukan Kewangan
 - D Akaun Pengasingan Untung Rugi
- 2 Kedai Perabot Ramli masih merekod kenderaan yang dibeli 10 tahun lalu pada harga belian RM150 000 walaupun harga pasaran RM33 500.
- Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?
- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Tempoh perakaunan
 - D Wang sebagai ukuran
- 3 Antara berikut, manakah merupakan ciri sebuah koperasi?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Diuruskan oleh pekongsi aktif
 - C Pembahagian untung dalam bentuk dividen
 - D Modal diperoleh melalui penjualan saham kepada orang ramai
- 4 Manakah antara yang berikut Aset Bukan Semasa?
- A Bank
 - B Tunai
 - C Perabot
 - D Akaun Belum Terima
- 5 Berikut kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Kedai Pakaian Linda.

Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
(3 500)	(4 000)	500

Urus niaga manakah yang menunjukkan pernyataan di atas?

- A Inventori bernilai RM3 500 dijual secara kredit pada harga RM4 000
- B Membayar cek RM3 500 kepada pembekal dan menerima diskaun RM500
- C Sebuah rak pameran bernilai RM4 000 dijual secara kredit pada harga RM3 500
- D Menjual satu set meja makan berkos RM4 000 dengan harga RM3 500 secara tunai

6 Maklumat berikut merupakan ciri-ciri suatu dokumen.

- Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank.
- Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah menambahkan akaun dengan jumlah tertentu.


Apakah dokumen tersebut?

- A Makluman Debit
- B Makluman Kredit
- C Resit Perbankan Dalam Talian
- D Slip Transaksi Perbankan Elektronik

7 Pilih urus niaga yang direkod dalam Jurnal Am.

- I Jualan barang niaga secara kredit
- II Mengambil barang niaga untuk promosi
- III Pulangan barang niaga kepada pembekal
- IV Membawa masuk kenderaan peribadi sebagai modal tambahan
- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

8 Maklumat berikut berkaitan dengan pembahagian lejar.



Apakah M dan N?

	M	N
A	Akaun Bukan Perorangan	Akaun Perorangan
B	Lejar Am	Lejar Subsidiari
C	Akaun Nyata	Akaun Nominal
D	Lejar Subsidiari	Lejar Am

9 Urus niaga berikut diperolehi daripada Kedai Jam Monika.

2025
Julai 20 Pemilik mengambil jam tangan bernilai RM5 880
untuk dihadiahkan kepada isterinya.

Catatan manakah yang betul di dalam lejar?

A

Akaun Ambilan			
RM	2025 Jul 20	Ambilan	RM 5 880

Akaun Belian			
2025 Jul 20	Belian	RM 5 880	RM

B

Akaun Ambilan			
2025 Jul 20	Ambilan	RM 5 880	RM

Akaun Belian			
RM	2025 Jul 20	Belian	RM 5 880

C

Akaun Ambilan			
2025 Jul 20	Belian	RM 5 880	RM

Akaun Belian			
RM	2025 Jul 20	Ambilan	RM 5 880

D

Akaun Ambilan			
RM	2025 Jul 20	Belian	RM 5 880

Akaun Belian			
2025 Jul 20	Ambilan	RM 5 880	RM

- 10 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Ashwari:

Buku Tunai (Ruangan bank)			
	2025		RM
	Mac 6	P	1 500

Apakah urus niaga P?

- A Menerima faedah simpanan tetap.
- B Mengambil tunai di bank untuk kegunaan peribadi.
- C Menjual barang niaga secara tunai dan wang dibankkan.
- D Membeli perabot untuk kegunaan perniagaan secara kredit.

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan H&T Creative:

2024		RM
Januari 1	Baki debit Lejar Jualan	6 525
Disember 31	Diskaun diberi	960
	Diskaun diberi dibatalkan	270
	Pulangan jualan	1 230
	Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	73 400
	Baki debit Lejar Jualan	8 920

Hitung jualan kredit H&T Creative:

- A RM71 545
- B RM72 925
- C RM76 335
- D RM77 715

- 12 Pernyataan manakah yang menerangkan Imbangan Duga?

- A Senarai baki akaun yang diambil daripada lejar.
- B Senarai yang menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.
- C Penyata yang disediakan untuk menghitung untung atau rugi perniagaan.
- D Penyata yang disediakan untuk menghitung baki akhir pada satu tarikh tertentu.

- 13 Berikut merupakan Akaun Perdagangan bagi perniagaan LunaDan Haus:

LunaDan Haus				
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 28 Februari 2025				
	RM	RM	RM	
Inventori Awal		24 000	Jualan	205 000
Belian	96 500			
Tambah Q	800			
		97 300		
		121 300		
Tolak Inventori Akhir		32 000		
Kos Jualan		89 300		
Untung kasar		115 700		
		205 000		205 000

Apakah akaun yang mungkin bagi Q?

- A Insurans
- B Upah pekerja
- C Angkutan keluar
- D Angkutan masuk

- 14 Encik Danial pemilik perniagaan Aznial Inspire menyenaraikan sebahagian daripada baki-baki akaun seperti berikut:

	RM
Inventori Awal	18 600
Insurans prabayar	500
Akaun Belum Terima	13 200
Akaun Belum Bayar	15 700
Inventori Akhir	21 000
Pinjaman	5 000
Peruntukan hutang ragu	315

Beliau meminta bantuan anda untuk menghitung modal kerja perniagaannya.

- A RM37 285
- B RM19 000
- C RM18 685
- D RM13 685

- 15 Berikut ialah catatan penutupan akaun. Pilih catatan penutupan akaun yang betul.

A Akaun Jualan					
Tarikh 2025	Butir	Amaun RM	Tarikh 2025	Butir	Amaun RM
Mac 4	Tunai	5 000	Mac 31	Akaun Perdagangan	22 000
31	Akaun Belum Terima	17 000			
		<u>22 000</u>			<u>22 000</u>

B Akaun Pulangan Belian					
Tarikh 2025	Butir	Amaun RM	Tarikh 2025	Butir	Amaun RM
Mac 31	Akaun Perdagangan	210	Mac 31	Akaun Belum Bayar	210
		<u>210</u>			<u>210</u>

C Akaun Angkutan Masuk					
Tarikh 2025	Butir	Amaun RM	Tarikh 2025	Butir	Amaun RM
Mac 26	Tunai	350	Mac 31	Akaun Untung Rugi	350
		<u>350</u>			<u>350</u>

D Akaun Diskaun Diterima					
Tarikh 2025	Butir	Amaun RM	Tarikh 2025	Butir	Amaun RM
Mac 17	Tunai	520	Mac 31	Akaun Untung rugi	520
		<u>520</u>			<u>520</u>

- 16 Maklumat berikut di perolehi daripada buku Sinar Enterprise.

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Sewa belum bayar	2 400	
Sewa prabayar		3 600

Jumlah sewa yang telah dibayar bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 ialah RM29 000. Berapakah jumlah yang perlu dicatat dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024?

- A RM23 000
- B RM25 400
- C RM29 000
- D RM35 000

- 17 Maklumat berikut diambil daripada Imbangan Duga Perniagaan Harmonika pada 31 Julai 2024:

	RM
Akaun Belum Terima	9 400
Peruntukan Hutang Ragu	320

Peruntukan hutang ragu 5% atas Akaun Belum Terima.

Hitung peruntukan hutang ragu dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024?

- A RM150
B RM320
C RM470
D RM790
- 18 Jadual 1 berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Karimah :

Tarikh beli Lengkapan	Harga (kos)	Kadar Susut Nilai	Kaedah Susut Nilai
1 Julai 2023	RM 35 000	10% setahun	Atas nilai buku

Jadual 1

Tahun kewangan Perniagaan Karimah berakhir 31 Disember setiap tahun. Hitungkan susut nilai terkumpul pada 31 Disember 2024.

- A RM3 500
B RM5 075
C RM6 650
D RM7 000
- 19 Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada Perniagaan Liyana.

Perniagaan Liyana
Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	RM	RM
Alatan pejabat	2 800	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		280

Maklumat tambahan:

- i. Alatan pejabat disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.
ii. Pada 31 Disember 2024, sebuah mesin pencetak bernilai RM800 yang dibeli pada 1 Januari 2023 telah dijual pada harga RM350

Berapakah untung atau rugi pelupusan alatan pejabat?

- A Untung pelupusan RM130
B Rugi pelupusan RM130
C Untung pelupusan RM290
D Rugi pelupusan RM290

- 20 Petikan Akaun Untung Rugi bagi Kedai Safikah, sebuah perniagaan milikan tunggal adalah seperti berikut:

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Januari 2025

	RM		RM
Insurans	480	Untung kasar	9 880
Hutang lapuk pulih	160	Faedah diterima	450
Sewa	1 200	Susut nilai kenderaan	5 500
Kadar bayaran	650		
Promosi	600		

Kesilapan butir yang direkod dalam Akaun Untung Rugi ini ialah

- A Sewa dan Hutang lapuk pulih
 - B Susut nilai kenderaan dan Insurans
 - C Kadar bayaran dan Faedah diterima
 - D Susut nilai kenderaan dan Hutang lapuk pulih
- 21 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Jazlan.

Jualan perabot lama RM450 kepada Dhiya' terlupa untuk direkodkan ke dalam buku perniagaan.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan amaun
 - B Kesilapan prinsip
 - C Kesilapan ketinggalan satu catatan
 - D Kesilapan ketinggalan satu urusan niaga
- 22 Analisis nisbah manakah yang menggambarkan pengurusan inventori yang cekap?
- A Nisbah Semasa
 - B Pulangan atas Modal
 - C Margin Untung Bersih
 - D Kadar Pusing Ganti Inventori

- 23 Kejadian kebakaran di Putra Heights, Subang Jaya telah menyebabkan sebahagian rekod perakaunan Saujana Enterprise musnah.

Kaedah yang digunakan dalam penentuan untung atau rugi bagi Saujana Enterprise ialah

- A Kaedah Analisis
- B Kaedah Ansuran Tetap
- C Kaedah Modal Berubah
- D Kaedah Penilaian Semula

- 24 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Rabbani.

	RM
Modal pada 1 April 2024	40 000
Modal pada 31 Mac 2025	49 500
Ambilan bulanan	100

Hitung untung atau rugi perniagaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2025.

- A Untung RM10 700
 B Untung RM9 600
 C Rugi RM9 400
 D Rugi RM8 300
- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Chin Trading yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

	1 Mei 2024	30 April 2025
	RM	RM
Utiliti belum bayar	340	270
Sewa belum terperoleh	800	590

Buku Tunai			
	RM		RM
Sewa	7 600	Utiliti	2 700

Berapakah jumlah utiliti dan sewa yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

	Utiliti	Sewa
A	RM2 630	RM6 210
B	RM2 630	RM7 810
C	RM2 770	RM7 810
D	RM3 310	RM8 990

- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Hanifah.

	RM
Baki Debit di Buku Tunai	12 150
Cek belum dikemukakan	450
Deposit belum dikreditkan	2 300
Buku Tunai terlebih catat di sebelah kredit	190

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- A RM10 110
 B RM10 490
 C RM13 810
 D RM14 190

- 27 Tujuan utama Belanjawan Tunai disediakan adalah untuk
- A Mengenal pasti kedudukan kewangan
 - B Mengenal pasti jumlah perbelanjaan
 - C Merancang penggunaan wang tunai
 - D Mengetahui jumlah wang tunai
- 28 Hani dan Iffah pemilik perniagaan Perkongsian Haniffah tidak menandatangani Ikatan Perkongsian. Manakah yang benar berkaitan dengan perkongsian mereka?
- A Untung atau rugi dibahagi sama rata
 - B Gaji pekongsi dibayar kepada pekongsi aktif
 - C Faedah 10% dibayar atas pinjaman pekongsi
 - D Faedah 5% dibayar atas modal sumbangan pekongsi
- 29 Apakah butiran yang dicatat di bahagian Ekuiti Pemilik Butik Zara & Zura?
- I Akaun Modal
 - II Akaun Ambilan
 - III Akaun Semasa
 - IV Akaun Pinjaman
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan pembubaran sebuah perniagaan perkongsian.

	RM
Jumlah aset (tidak termasuk Bank)	60 500
Jumlah liabiliti	14 450
Jumlah aset direalisasi	42 500
Belanja realisasi	2 500

Berapakah rugi realisasi?

- A RM15 500
- B RM20 500
- C RM29 950
- D RM34 950

- 31 Pernyataan manakah yang menerangkan ciri Syer Biasa?
- A Kadar dividen tidak tetap.
 - B Dividen dibayar terlebih dahulu.
 - C Berhak menerima tunggakan dividen.
 - D Tiada hak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 32 Antara berikut, pernyataan manakah tidak benar tentang Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Berhad?
- A Disediakan mengikut syarat dan peraturan dalam Akta Syarikat 2016.
 - B Butiran yang ditunjukkan adalah modal diterbitkan dan berbayar penuh.
 - C Bilangan, jenis dan kadar dividen perlu ditunjukkan dalam kedua-dua jenis modal.
 - D Harga sesyer bagi setiap unit tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- 33 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Royal:

150 000 unit 8% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer 150 000 unit Syer Biasa RM1.00 sesyer

Pada tahun 2024, Syarikat telah memperolehi keuntungan sebanyak RM54 000. Berapakah peratus dividen yang diberikan kepada pemegang syer biasa?

- A 8%
 - B 20%
 - C 28%
 - D 36%
- 34 Antara berikut, manakah merupakan item penerimaan dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran?
- A Derma
 - B Lawatan
 - C Honorarium
 - D Kursus dan motivasi

- 35 Maklumat berikut diperoleh buku perakaunan Kelab Tarian Astana pada 1 Januari 2024.

	RM
Yuran Belum Terima	2 450
Yuran Belum Terperoleh	2 380

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM
Yuran Ahli 2023	1 750
Yuran Ahli 2024	26 400
Yuran Ahli 2025	960

Maklumat tambahan:

Yuran Belum Terima pada 31 Disember 2024 ialah RM800.

Yuran tahun 2023 yang masih tertunggak dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah yuran ahli bagi tahun berakhir 31 Disember 2024?

- A RM28 880
- B RM29 340
- C RM29 580
- D RM30 040

- 36 Apakah tujuan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan disediakan?

- A Untuk merekod wang masuk dan wang keluar.
- B Untuk menghitung lebihan atau kurangan pendapatan.
- C Untuk merekodkan penerimaan dan perbelanjaan modal.
- D Untuk menghitung yuran ahli dan yuran masuk yang diterima.

- 37 Maklumat berikut benar mengenai dana terkumpul sesebuah kelab **kecuali**

- A Digunakan bagi menggantikan istilah Ekuiti Pemilik.
- B Merupakan jumlah dana yang dimiliki oleh sesebuah kelab.
- C Merupakan lebihan aset yang dimiliki daripada liabiliti yang ditanggung.
- D Menunjukkan kedudukan dana yang diterima daripada ahli-ahli berdaftar kelab.

- 38 Pilih jenis kos yang betul.

	Kos Tetap	Kos Berubah
A	Sewa kilang	Royalti
B	Gaji operator	Alat kecil
C	Insurans kilang	Pengiklanan
D	Susut nilai mesin	Alat tulis kilang

39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Keropok Danish.

	RM
Kos bahan langsung	8 600
Kos buruh langsung	3 300
Susut nilai mesin	800
Kos buruh tak langsung	1 500
Inventori barang siap	18 000

Hitungkan kos prima.

- A RM11 900
- B RM12 700
- C RM14 200
- D RM32 200

40 Maklumat berikut ialah kos bagi pengeluaran 5 000 buah buku.

	RM
Kos tetap	8 800
Kos bahan langsung	12 000
Kos buruh langsung	10 000

Jika harga jualan sebuah buku ialah RM9.00, hitung Titik Pulang Modal bagi pengeluaran buku tersebut jika kos buruh langsung meningkat sebanyak 10%.

- A 1913 unit
- B 2000 unit
- C 2115 unit
- D 2348 unit

KERTAS SOALAN TAMAT